



KAJIAN KES: KEPERLUAN KELAB PENGACARAAN MAJLIS KEPADA PELAJAR POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Noorashikin Binti Ahmad, Masfizaizan Binti Manaf dan Noorharinie Binti Rahimin
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu
shikin@psmza.edu.my, masfizaizan@psmza.edu.my, harinie@psmza.edu.my

Abstrak: Pengacara majlis adalah merujuk kepada seseorang yang dilantik secara rasmi untuk dipertanggungjawabkan mengendalikan sesebuah majlis mengikut aturcara yang telah ditetapkan dan merujuk kepada skrip yang telah diluluskan serta berpandukan arahan Pengurus Majlis. Pengacara Majlis diperlukan dalam majlis-majlis rasmi yang melibatkan kehadiran tetamu kehormat. Tidak terkecuali di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) terdapat pelbagai jenis program dan aktiviti pelajar yang memerlukan tugas pengacara majlis dalam memastikan kelancaran sesebuah majlis. Walaubagaimanapun hasil pemerhatian dan komen daripada para pensyarah dan penasihat kelab, kebanyakan pelajar yang dilantik menjadi pengacara majlis tidak mempunyai pengetahuan dan sekaligus mencacatkan sesebuah majlis yang dikendalikan. Kelemahan pengacara majlis ini akan memberi impak negatif kepada keseluruhan program dan seterusnya menjatuhkan imej PSMZA itu sendiri. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dibuat untuk mengenalpasti keperluan penubuhan Kelab Pengacaraan Majlis PSMZA perlu diwujudkan ataupun tidak, semasa Kursus Protokol dan Pengacaraan Majlis anjuran Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) diadakan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kaedah pemerhatian dan temubual berfokus. Seramai lima belas (15) responden telah dipilih daripada 60 peserta yang hadir di mana mereka terdiri daripada AJK beberapa buah kelab dan persatuan yang wujud di PSMZA. Hasil dari kajian ini terdapat LIMA keperluan penubuhan Kelab Pengacaraan Majlis PSMZA iaitu keperluan Pengacara Majlis dalam program dan aktiviti pelajar; membina keyakinan diri di hadapan khalayak ramai; mempelajari ilmu pengurusan majlis, protokol dan etiket sosial; belajar kaedah penulisan skrip pengacaraan; dan belajar cara penampilan diri. Hasil dapatan kajian ini mendapati Kelab Pengacaraan Majlis PSMZA perlu ditubuhkan.

Kata kunci: Pengacara majlis, aktiviti pelajar, keyakinan diri

1.0 PENGENALAN

Aktiviti kelab dan persatuan merupakan satu aktiviti yang perlu disertai oleh setiap pelajar. Ini penting kerana melalui kelab dan persatuan dapat menyeimbangkan antara pencapaian akademik dan pembangunan kemahiran generik dalam diri pelajar itu sendiri. Di PSMZA, para pelajar amat digalakkan untuk mengikuti kegiatan kokurikulum yang mereka gemari. Mereka juga berhak untuk membentuk kelab dan persatuan yang baharu sekiranya terdapat permintaan daripada pelajar. Menurut Mohammad Shatar Sabran, Jasni Sabri dan Azali Mohamed (2006), para pelajar di institusi pendidikan tinggi seharusnya mempunyai kesedaran bahawa kecemerlangan akademik perlulah diperkukuhkan dengan aktiviti kokurikulum agar para pelajar akan memperoleh kemahiran sampingan untuk kemajuan kerjaya mereka di masa hadapan.

Pelajar akan diberi peluang untuk menganjurkan program yang bersesuaian dengan kelab yang mereka sertai. Antara program yang sering dianjurkan oleh pelajar adalah seperti pertandingan, lawatan bermaklumat, sukan, ceramah, kempen, kesukarelawanan, keusahawanan dan sebagainya. Sudah menjadi kemestian di mana setiap program tersebut akan diadakan satu slot khas majlis perasmian atau majlis penutup yang mana ianya melibatkan kehadiran tetamu jemputan samada dari luar mahupun pengurusan tertinggi PSMZA sendiri. Justeru, pengacara



majlis perlulah mampu mengendalikan sesebuah majlis dengan lancar dan baik selain memiliki keunikan suara yang sedap didengari.

Bagi melahirkan pelajar yang mampu mengacara majlis dengan baik, pelajar perlu diberi pendedahan mengenai ilmu pengetahuan dalam bidang pengurusan dan pengacaraan majlis dan diberi latihan serta galakan untuk berani bercakap di hadapan khalayak ramai. Menurut Saidah Shahid (2013) semua orang boleh menjadi pengacara majlis, akan tetapi bakat, suara, kebolehan serta keyakinan diri yang akan membezakan penampilan mereka.

1.1 Pernyataan Masalah

Di PSMZA terdapat hampir 30 kelab yang telah didaftarkan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSMZA. Pelbagai aktiviti pelajar telah dirancang dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak yang melibatkan penyertaan pelajar samada di peringkat PSMZA, kebangsaan mahupun antarabangsa. Para pensyarah pula memainkan peranan utama sebagai Penasihat Kelab di mana mereka telah diberi kepercayaan oleh pelajar untuk menjadi pembimbing bagi aktiviti kelab yang akan dijalankan. Disebalik aktiviti yang dijalankan ini, bukan semua Penasihat Kelab yang mahir dalam memberi bimbingan berkaitan pengurusan dan pengacaraan majlis. Selain daripada itu, hampir setiap semester saya sering didatangi oleh para pelajar dari pelbagai kelab atau jawatankuasa program pelajar PSMZA untuk bertanya dan mempelajari beberapa perkara berkaitan Pengacaraan Majlis secara tidak formal. Adakala saya tidak sempat menyampaikan semua ilmu memandangkan kekangan masa saya dan pelajar tersebut terutamanya mereka datang sehari sebelum program mereka berlangsung. Sehubungan dengan inilah saya terpenggil untuk membuat kajian bagi mengenalpasti keperluan Kelab Pengacaraan Majlis perlu ditubuhkan di PSMZA sebagai kelab sokongan dalam membantu kelab-kelab lain terutamanya dalam mengendalikan majlis-majlis perasmian dan majlis formal. Kajian mengenai keperluan ini perlu dilakukan segera kerana ia menjadi punca utama kepada kecacatan sesebuah majlis perasmian atau majlis penutup disebabkan oleh kelemahan dan kekurangan pengetahuan pengacara majlis tersebut.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif berikut:

- i. Untuk melihat persepsi peserta terhadap keperluan pengetahuan dalam bidang Pengacaraan Majlis semasa Kursus Protokol dan Pengacaraan Majlis anjuran Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) di PSMZA
- ii. Untuk melihat persepsi peserta serta mengenalpasti apakah faktor utama yang mempengaruhi keperluan penubuhan Kelab Pengacaraan di PSMZA semasa Kursus Protokol dan Pengacaraan Majlis anjuran Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) di PSMZA

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif di mana data diambil melalui pemerhatian turut serta dan temubual berfokus semasa program berlangsung (Neuman, 2011). Responden terdiri daripada peserta Program Kursus Protokol dan Pengacaraan

Majlis anjuran Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) yang telah diadakan di PSMZA. Menurut Creswell (1998) kaedah kualitatif diterima pakai bagi mendapatkan maklumat secara terperinci dan tepat terutamanya apabila pertemuan dengan responden semasa pengumpulan data adalah singkat dan terbatas. Ini kerana data hanya diambil semasa program sedang berlangsung. Rekabentuk kajian kualitatif ini juga amat sesuai digunakan kerana ianya lebih mudah, cepat dan tepat. Banyak data dapat dikumpulkan dalam satu-satu masa dan amat bersesuaian untuk mengkaji sampel bagi mewakili sesebuah populasi kajian (Sekaran, 2009).

Dalam kajian menggunakan kaedah kualitatif ini seramai 15 peserta Program Kursus Protokol dan Pengacaraan Majlis telah dijadikan responden dan kebanyakan mereka merupakan AJK bagi Kelab Pelajar yang terdapat di PSMZA. Responden yang terlibat adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Responden	Kelab Pelajar	Jawatan	Jantina	Bangsa
R1	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Yang Di-Pertua	Lelaki	Melayu
R2	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Exco	Perempuan	Melayu
R3	Kelab Rakan Pusat Islam (RAPI)	Setiausaha	Perempuan	Melayu
R4	Kelab Rakan Pusat Islam (RAPI)	Timbalan Pengerusi	Lelaki	Melayu
R5	Kelab Kejuruteraan Elektrik (KPKE)	Pengerusi	Lelaki	Melayu
R6	Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK)	Timbalan Pengerusi	Lelaki	Melayu
R7	Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK)	Bendahari	Perempuan	Melayu
R8	Kelab Gerakan Pengguna Siswa	Pengerusi	Perempuan	Melayu
R9	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)	Naib Pengerusi	Perempuan	Melayu
R10	Pembimbing Rakan Siswa Politeknik (PRSP)	Setiausaha	Perempuan	Melayu
R11	Pembimbing Rakan Siswa Politeknik (PRSP)	Bendahari	Perempuan	Melayu
R12	Kelab Ava Dan Multimedia (AVA)	Pengerusi	Perempuan	Melayu
R13	Kelab Keusahawanan	AJK	Perempuan	Melayu
R14	Kelab Sukarelawan YES!	Pengerusi	Lelaki	Melayu
R15	Kelab Kejuruteraan Mekanikal	Pengerusi	Lelaki	Melayu

Pemerhatian telah dilakukan terhadap responden di sepanjang Program Kursus Protokol Dan Pengacaraan Majlis dan akhir sekali di penghujung program tersebut responden telah ditemuramah bagi mendapatkan maklumbalas.

3.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan Keperluan Kelab Pengacara Majlis Kepada Pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin perlu ditubuh berdasarkan oleh lima faktor iaitu keperluan Pengacara Majlis dalam aktiviti pelajar; membina keyakinan diri di hadapan khalayak ramai; mempelajari ilmu pengurusan majlis, protokol dan etiket sosial; belajar kaedah penulisan skrip pengacara; dan belajar cara penampilan diri.

i. Keperluan Pengacara Majlis Dalam Aktiviti Pelajar

Dalam satu-satu majlis yang dianjurkan oleh Kelab Pelajar, komunikasi merupakan aspek penting dalam menyalurkan maklumat program kepada audien yang terlibat. Kepincangan komunikasi berkesan akan menyebabkan satu-satu majlis akan menjadi hambar dan kurang mendapat sambutan.

Saya berminat untuk belajar menjadi pengacara majlis kerana kelab saya selalu menjemput penceramah luar dalam pelbagai program. (Responden 3)

Saya agak tertekan apabila melihat audien mula bermain telefon bimbit ketika saya sedang mengacarakan majlis. Ini betul-betul menyebabkan saya merasa serba salah. (Responden 9)

Saya tidak pandai mengulas ceramah yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan. (Responden 10)

Strategi yang efektif diperlukan untuk menarik perhatian audien supaya mesej yang ingin disampaikan dapat diterjemahkan oleh audien agar proses komunikasi berjalan lancar dan dapat mengelakkan kegagalan dalam komunikasi (Azlina, 2015). Dalam merealisasikan komunikasi ini maka keseluruhan responden menyatakan kebanyakan aktiviti yang dijalankan perlu dilibatkan dengan Pengacara Majlis. Di sini pengacara majlis akan bertindak sebagai perantara di antara majlis yang berlangsung dengan audien yang terlibat.

ii. Membina Keyakinan Diri Di Hadapan Khalayak Ramai

Rata-rata responden akan berasa gugup semasa berada di hadapan di khalayak ramai. Ini disebabkan pelajar tidak yakin dengan kebolehan diri sendiri.

Apabila bercakap di depan saya akan jadi gugup. Segala idea yang saya fikirkan sebelum ini akan hilang begitu sahaja. (Responden 1)

Saya akan menjadi malu dan gelabah apabila berada di depan khalayak ramai. Saya akan lebih tertekan jika terdengar suara sorakan atau melihat orang semua memandang ke arah saya. (Responden 13)

Pada mulanya saya begitu yakin akan kebolehan diri saya, tetapi selepas kehadiran audien saya mula menjadi takut dan seterusnya menyebabkan tidak fokus apa perlu saya perkatakan. (Responden 6)



Perasaan gementar dan malu menyebabkan seseorang individu menjadi takut sekaligus kurangnya keyakinan diri untuk berucap di khalayak ramai (Jamilah, Rani, Harun, & Putra, 2015). Pelajar yang memiliki tahap keyakinan yang tinggi akan lebih berjaya kerana mereka berani berhadapan dengan segala cabaran bagi menempa kejayaan hidup yang lebih cemerlang di masa akan datang. Keyakinan diri juga dapat mempengaruhi kejayaan dan kegagalan dalam hidup seseorang. Dalam meningkatkan keyakinan diri seseorang pelajar itu perlu mencari kekuatan untuk mengatasi rasa takut. Menurut Robert, (2003), antara faktor yang dapat mempengaruhi keyakinan diri seseorang adalah melalui faktor persekitaran dan dorongan daripada individu lain. Faktor-faktor ini akan merangsang pemikiran seseorang dan akhirnya diterjemahkan melalui tindakan.

iii. Mempelajari Ilmu Pengurusan Majlis, Protokol Dan Etiket Sosial

Pengurusan majlis merupakan suatu upacara, perjumpaan, keramaian atau perhimpunan yang dianjurkan secara rasmi atau tidak rasmi oleh sesuatu pihak untuk tujuan dan matlamat tertentu yang dirancang dengan penglibatan dan penyertaan oleh pelbagai pihak yang lain dan peserta yang ramai (Ramlan Abdul Wahab, 2004). Dalam memastikan pengurusan majlis berjalan lancar, pelajar seharusnya mengetahui berkaitan Ilmu Pengurusan Majlis dan setiap majlis mempunyai protokol dan etiket sosial yang tersendiri.

Saya pernah membuat kesilapan dalam membaca salutsasi tetamu dan telah ditegur oleh pensyarah yang hadir (Responden 7)

Saya tidak faham berkaitan salutsasi majlis dan konsep kekananan dalam megacara sesuatu majlis. (Responden 15)

Pengetahuan tentang protokol dan aspek pengurusan majlis mengikut protokol yang betul adalah satu ilmu dan kemahiran yang perlu dipelajari dan harus dimiliki oleh pengurus dan pentadbir sesebuah organisasi. Sekiranya pelajar tidak berkemahiran dan kurang pengetahuan dalam bidang ini, ia bukan sahaja menzahirkan kekurangan profesionalisme pengurus berkenaan tetapi juga menjejaskan imej organisasi secara keseluruhannya.

iv. Belajar Kaedah Penulisan Skrip Pengacaraan

Skrip ialah idea yang dikembangkan menjadi isu dan persoalan atau siri-siri kejadian yang saling berkaitan dan menyumbang antara satu sama lain (Asiah Sarji, 1997). Skrip diperlukan dalam memastikan satu-satu program berjalan lancar dan mencapai objektifnya.

Saya sangat minat menjadi pengacara majlis tetapi saya tidak pandai menulis skrip pengacaraan. (Responden 4)

Rasa stress bila rakan pengacara asyik tersilap cakap. Apa yang saya tanya lain yang dijawabnya. Kononnya tak perlukan skrip masa jadi pengacara majlis. (Responden 2)

Dalam penyediaan skrip, seorang pelajar seharusnya peka terhadap isu yang bersesuaian dengan majlis. Selain itu, salutsasi pembukaan perlulah teratur dan kedudukan dif-dif jemputan perlulah



disusun mengikut kekananan. Bahasa yang digunakan perlulah teratur dan mudah difahami. Ini kerana dalam sesebuah majlis rasmi, berkemungkinan audien terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Menurut Musa et. al., (2010) bahasa yang dituturkan adalah melambangkan budaya yang kita miliki. Budaya itu merujuk kepada simbol falsafah dan pemikiran masyarakat.

v. Belajar Cara Penampilan Diri

Selain dari mempunyai keyakinan diri yang tinggi, seseorang pengacara juga harus berketrampilan. Sudah semestinya para pelajar tidak begitu mengambil berat mengenai cara berpakaian yang betul mengikut kesesuaian majlis apatah lagi jika dipilih menjadi pengacara majlis rasmi. Mereka beranggapan bahawa pemakaian merupakan satu perkara yang remeh dan tidak perlu dititikberatkan.

Saya pernah mengacara satu majlis tidak formal dan saya hanya berpakaian biasa sahaja. Selepas melihat rakan-rakan lain berpakaian lebih menarik, saya mula berasa tidak selesa dengan apa yang saya pakai kerana sudah pasti ramai yang melihat saya. (Responden 8)

Ada sesetengah pelajar berpakaian yang tidak sesuai sehingga dipandang serong oleh masyarakat di sekeliling contohnya seperti memakai tudung dengan baju lengan pendek atau baju yang ketat untuk ke kuliah (Abdullah & Norliza, 2008). Untuk mengacarakan sesuatu majlis, pelajar seharusnya tahu cara-cara berpakaian yang sesuai dengan majlis yang akan dihadapinya agar ia nampak segak bergaya dan lebih berkeyakinan. Ini kerana gaya pemakaian seseorang adalah merupakan imej atau refleksi terhadap dirinya sendiri dan ia memberi kesan terhadap ingatan seseorang yang melihatnya (Mokhtar, 2012).

4.0 KESIMPULAN

Kajian Kes: Keperluan Kelab Pengacaraan Majlis Kepada Pelajar PSMZA yang menggunakan kaedah kualitatif ini bertujuan untuk menentukan samada Kelab Pengacaraan Majlis perlu ditubuhkan ataupun tidak berpandukan kepada matlamat, objektif dan tujuan penubuhan kelab. Hasil kajian menunjukkan terdapat lima faktor utama yang mempengaruhi keperluan penubuhan Kelab Pengacaraan di PSMZA iaitu: keperluan pengacara majlis dalam aktiviti pelajar; membina keyakinan diri di hadapan khalayak ramai; mempelajari ilmu pengurusan majlis, protokol dan etiket sosial; belajar kaedah penulisan skrip pengacaraan; dan belajar cara penampilan diri.

Melalui kelima-lima elemen ini sudah semestinya PSMZA bakal menghasilkan pelajar yang mampu untuk berdikari, berkeyakinan dan berketrampilan selepas tamat pengajian mereka kelak. Pelajar juga akan dapat berinteraksi, berkomunikasi serta bergaul dengan baik dengan mana-mana pihak samada berkaitan bidang kerjaya mahupun komuniti masyarakat. Justeru hasil kajian ini menunjukkan bahawa Kelab Pengacaraan Majlis perlu ditubuhkan di PSMZA dan akan menghasilkan bakal-bakal pemimpin negara di masa akan datang.



RUJUKAN

- Mohammad Shatar Sabran, Jasni Sabri, Azali Mohamed (2006). *Tip Pendidik Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Saidah Shahid (2013). *Tip Untuk menjadi Pengacara Majlis*. Kuala Lumpur : Penerbitan Prestasi Cemerlang
- Neuman, W. L. (2011). *Social research methods : Qualitative and quantitative approaches* (7th ed.). Boston : Pearson.
- Creswell, John W. 1998. *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks: Sage.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2009). *Research methods for business: A skill building approach* (5th ed.). UK: John Wiley and Sons.
- Azlina Kamaruddin. (2015). *Komunikasi Dan Seni Pemujukan*. Sintok : UUM Press.
- Jamilah, Rani, I., Harun, N., & Putra, B. S. (2015). *Kekhuatiran Berkomunikasi Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa*. Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2ndICoMM) 16th–17th November 2015, 268–275
- Robert, A. (2003). *Rahsia membina keyakinan diri sendiri*. Albaz Publishing & Distribution Sdn. Bhd.
- Ramlan Abdul Wahab (2004). *Panduan Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah*. Kuala Lumpur : Banter Sdn. Bhd.
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, Mazni Buyung (1997) *Keadaan dan Permasalahan Penulis dan Penulisan Skrip*. Kuala Lumpur: Finas
- Abdullah Bin Sulong dan Norliza Binti Ahmad (2008). *Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat*, Satu Kajian di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor
- Mokhtar bin Mohd Tohar (2012). *Pandual Protokol dan Etiket Sosial* : UUM Press, University Utara Malaysia.